*Jurnal Pengurusan 46(2016) 53 - 66*

# Modal Insan dan Penemuan Peluang ke Atas Eksploitasi Peluang Keusahawanan di Kalangan Usahawan-usahawan Luar Bandar

*(The Human Capital and Opportunity Discovery on Exploiting Entrepreneurial Opportunity among Rural Entrepreneurs)*

Abd Razak Ahmad
Mohd Hassan Mohd Osman
Kamariah Ismail
(Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia)
Wan Fauziah Wan Yusoff
(Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)

ABSTRAK

*Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka proses peluang keusahawanan luar bandar di Malaysia. Secara khususnya kajian ini cuba mengenal pasti hubungan di antara eksploitasi peluang keusahawanan, penemuan peluang keusahawanan dan modal insan usahawan luar bandar, dan juga untuk menentukan kesan langsung dan bersama modal insan keusahawanan ke atas eksploitasi peluang usahawan luar bandar di Malaysia. Untuk mencapai objektif kajian ini, tinjauan secara kuantitatif telah dijalankan ke atas 345 responden iaitu usahawan-usahawan luar bandar di Malaysia. Data yang diambil daripada kaji selidik telah dianalisis menggunakan SPSS versi 20 untuk analisis deskriptif dan SmartPLS perisian versi 2.0 untuk analisis inferensi untuk penerokaan hubung kait pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan. Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa adalah signifikan pada aras keertian 0.01 di mana, modal insan mempunyai hubungan yang positif dengan eksploitasi peluang keusahawanan dan kesan langsung kepada penemuan peluang keusahawanan. Rumusan kajian ini menyatakan bahawa modal insan dan penemuan peluang keusahawanan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada penciptaan usahawan baharu dalam bidang keusahawanan luar bandar. Kajian ini memberikan sumbangan penting pada bidang keusahawanan luar bandar, terutamanya dalam bidang peluang keusahawanan di luar bandar.*

*Kata kunci: Keusahawanan luar bandar; modal insan; eksploitasi peluang; penemuan peluang*

ABSTRACT

*This study aims to explore the process of opportunity in rural entrepreneurship in Malaysia. Specifically this study tries to identify relationship of exploiting entrepreneurial opportunity, entrepreneurial opportunity discovery and human capital of rural entrepreneurs, and to determine direct and joint effect of entrepreneurial human capital on exploiting entrepreneurial opportunity for Malaysian rural entrepreneurs. To achieve the objectives of this study, a quantitative survey was conducted on 345 respondents (Malaysia rural entrepreneurs). Data collected from the survey was analysed using SPSS version 20 for descriptive analysis and SmartPLS version 2.0 software for inferential analysis to explore the related variables. The survey revealed that at 0.01 significant level, human capital has a positive relationship with exploiting entrepreneurial opportunity and direct effect to entrepreneurial opportunity discovery. The study concludes that entrepreneurial human capital and opportunity discovery play important roles that contribute to the new venture creation in rural entrepreneurship. This research makes a significant contribution on rural entrepreneurship field, especially in relations to rural opportunity entrepreneurship.*

*Keywords: Rural entrepreneurship; human capital; exploit opportunity; opportunity discovery*

## PENGENALAN

Keusahawanan luar bandar telah dikenal pasti sebagai salah satu pemangkin pembangunan wilayah di kalangan negara-negara kurang dan sedang membangun (IFAD 2012). Menurut Laporan Kemiskinan Luar Bandar Tahun 2011 (IFAD 2012) telah melaporkan sekitar 55% penduduk dunia tinggal dan bekerja di kawasan mundur dan kebanyakan mereka ini akan terus mendiami di kawasan ini pada dekad akan datang. *The International Fund for Agricultural Development* (IFAD) menekankan perlunya membangunkan polisi dan strategi pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar yang mengalami peluang ekonomi yang terhad, kelemahan dan ketaksamaan politik dan infrastruktur, kawasan terpinggir (IFAD 2012) di mana salah satu jalan keluar adalah melalui aktiviti keusahawanan yang dapat membasmi kemiskinan melalui pertumbuhan ekonomi kawasan luar bandar (Ozgen & Minsky 2007). Selain daripada itu, selaras dengan teori institusi (Scott 1994, 1995) kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan keusahawanan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi sesebuah

Bab 6.indd 53 8/25/2016 4:18:33 PM

negara melalui program-program jangka pendek dan polisi pembangunan jangka panjang dalam bidang keusahawanan.

Di Malaysia sebagaimana diketahui, pembangunan ekonomi negara yang masih lagi bergantung kepada sumbangan aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar yang sebahagian besarnya berasaskan pertanian dan kebanyakan usahawan-usahawan luar bandar khususnya memerlukan perhatian dan tumpuan transformasi ekonomi ke atas wilayah luar bandar ini (Malaysia 2014). Bermula dengan rancangan penempatan semula FELDA, rancangan Buku Merah dari tahun 1990-an, hinggalah program transformasi luar bandar melalui Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) yang bertujuan untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi luar bandar dan merapatkan jurang ekonomi bandar dan luar bandar (Malaysia 2014). Model Baharu Ekonomi Luar Bandar (MBELB) telah dirangka sejajar dengan matlamat Model Baharu Ekonomi (MBE) iaitu bagi meningkatkan pendapatan khususnya masyarakat luar bandar dalam tempoh 10 tahun akan datang (Malaysia 2014). Di antaranya di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0), kerajaan telah memperkenalkan beberapa program dan inisiatif baharu yang dilaksanakan iaitu *Rural Business Challenge* (RBC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Mini RTC di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Di sebalik kesan peranan dan sumbangan signifikan yang telah diberikan oleh usahawan luar bandar, masih kurang penyelidikan yang dijalankan ke atas keusahawanan luar bandar terutamanya dalam aspek orentasi berasaskan peluang keusahawanan dan khususnya perkaitan dengan modal insan (Pato & Teixeira 2014). Sebelum tahun 1980an, secara umumnya kajian-kajian keusahawanan luar bandar Gladwin et al. (1989) menggunakan konsep dan teori selain daripada bidang keusahawanan luar bandar itu sendiri. Selepas tahun 1980-an disebabkan telah berlakunya perubahan dan krisis ekonomi di kawasan luar bandar, bermulanya kajian literatur secara menyeluruh menggunakan konsep dan prinsip kajian keusahawanan luar bandar (Wortman 1990).

Kebanyakan dapatan kajian lepas ke atas bidang keusahawanan di Malaysia menumpukan hanya kepada faktor psikologi (Alam 2011; Ong & Ismail 2008; Sambasivan, Abdul & Yusop 2009; Hamidon 2009; Yusof 2012) dalam menentukan dimensi modal insan usahawan. Prestasi usahawan pula lebih kepada pengukuran konstruk yang berorientasikan petunjuk perniagaan (Munoz et al. 2015) tanpa mengambil kira proses keusahawanan terdahulu yang berorientasikan kepada peluang keusahawanan itu sendiri dalam meneroka perniagaan khususnya di kawasan luar bandar (Baron 2008; Ucbasaran, Westhead & Wright 2010).

Kajian Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PILB) 2012-2016 yang telah dibangunkan oleh KKLW telah merumuskan beberapa isu dan cabaran pembangunan luar bandar. Di antaranya adalah peluang aktiviti keusahawanan yang terhad (Malaysia 2014) dan ini menunjukkan bahawa perlunya pendekatan yang bersesuaian untuk pembangunan keusahawanan luar bandar yang memerlukan penelitian dan kajian lanjutan berkaitan peluang dan proses keusahawanan luar bandar itu sendiri. Berdasarkan kepada kekangan dan dapatan kajian-kajian lepas, kajian ini cuba mengenalpasti hubung kait modal insan yang berasaskan pengukuran faktor bukan psikologi dan penemuan peluang ke atas eksploitasi peluang keusahawanan luar bandar; serta menentukan kesan terus atau bersama modal insan kepada pengeksploitasian peluang keusahawanan di kalangan usahawan luar bandar di Malaysia.

Bahagian seterusnya membincangkan sorotan kajian literatur mengenai pengukuran konstruk untuk pembolehubah eksploitasi peluang keusahawanan, penemuan peluang dan modal insan yang berkaitan dengan model penyelidikan dan pembinaan hipotesis-hipotesis kajian. Seterusnya diikuti oleh penjelasan kaedah penyelidikan yang digunakan dan penilaian pengukuran kebagusan yang berikut iaitu kesahan konstruk, kesahan tumpuan, kesahan diskriminan dan kebolehpercayaan konstruk. Diikuti pula tajuk seterusnya akan membincangkan analisis data, analisis laluan dan pengujian hipotesis. Bahagian terakhir akan membincangkan hasil dapatan dan kesimpulan yang mencadangkan kepada kajian lanjutan yang berkaitan.

## KAJIAN LITERATUR DAN MODEL PENYELIDIKAN

### PELUANG KEUSAHAWANAN

Peluang keusahawanan masih menjadi topik perbincangan penyelidik-penyelidik keusahawanan di mana ianya merupakan inti pati penting kepada aktiviti keusahawanan dan masih berlaku perdebatan tentang keadaan semula jadi peluang-peluang ini dari perspektif proses keusahawanan (Korsgaard 2011). Teori domain keusahawanan iaitu pandangan penemuan peluang-peluang (Kirzner 1993, 1997) dan perspektif rantaian keusahawanan (Shane & Eckhardt 2003; Shane 2003; Shane & Venkataraman 2000) melihat peluang keusahawanan sebagai sesuatu perkara sebelum kewujudannya dalam pasaran yang menyebabkan usahawan harus peka untuk bertindak balas terhadap peluang tersebut.

Penerokaan penciptaan perniagaan yang baharu memerlukan usahawan mempunyai dan menggerakkan sumber-sumber atau modal untuk mengeksploitasi peluang keusahawanan (Shane & Venkataraman 2000). Modal insan adalah merupakan kajian yang paling kerap dilakukan di antara berbagai-bagai jenis modal atau sumber yang diperlukan dalam menjalankan perniagaan (Autio & Acs 2010; Davidsson & Honig 2003). Kebanyakan usahawan menghadapi berbagai-bagai halangan semasa mereka mengamati penemuan dan mengeksploitasi peluang keusahawanan dan juga berdepan dengan ketidaktentuan risiko dalam proses penerokaan perniagaan yang baharu (Dew, Velamuri & Venkataraman 2004), mendapatkan kembali

kemahiran, pengetahuan dan aset kewangan sendiri untuk meningkatkan tanggapan ke atas keupayaan menangani halangan dan meningkatkan kelebihan meneruskan peluang perniagaan menjadi penerokaan perniagaan yang sebenar (De Clercq, Dominic & Chang 2011).

### EKSPLOITASI PELUANG

Eksploitasi peluang merupakan langkah penting di dalam langkah awal meneroka perniagaan dalam proses keusahawanan yang mana sehingga kini menggunakan konsep dan dapatan empirikal yang terhad (Choi & Shepherd 2004; Pato & Teixeira 2014). Bagi kebanyakan usahawan, eksploitasi peluang adalah langkah penting untuk menghasilkan pulangan dan kemudiannya mencipta kejayaan perniagaan (Block & MacMillan 1985; Schoonhoven, Eisenhardt & Lyman 1990). Menurut Farmer, Yao dan Kung-mcintyre (2011) eksploitasi peluang perniagaan adalah satu proses di mana usahawan menjadikan idea melalui cara-cara untuk memperolehi sumber-sumber perniagaan dan memasuki atau mencipta pasaran. Manakala pengeksploitasian pula didefinasikan sebagai langkah-langkah yang diambil untuk merealisasikan konsep perniagaan (Gordon 2011).

Usahawan cenderung untuk mengeksploitasi peluang-peluang apabila keadaan nilai dijangka yang diterima (samada kewangan dan fizikal) daripada eksploitasi peluang keusahawanan melebihi dari kos melepas dari segi masa mereka dicampur pula dengan lebihan dari menggalas ketidaktentuan dan kecairan (Venkataraman 1997; Shane 2003). Nilai jangkaan ganjaran dipengaruhi oleh tiga faktor berikut iaitu keadaan semula jadi peluang keusahawanan, persekitaran industri dan institusi, dan akhirnya adalah kriteria usahawan sama ada dari faktor psikologi atau bukan psikologi (Shane 2003). Keputusan usahawan untuk mengeksploitasi peluang akan bergantung pada nilai ganjaran sedia ada yang secara relatif lebih baik daripada alternatif wujud yang berasaskan dari ganjaran yang diperolehi oleh usahawan lain (Venkataraman 1997).

Walaupun kebanyakan pengkaji terdahulu memfokuskan kepada peranan pengetahuan terdahulu dan pembelajaran asimetri ke atas individu usahawan dalam penemuan peluang perniagaan (Corbett 2007; Shane 2000), tidak ramai pengkaji telah menjalankan penyelidikan ke atas keputusan mengeksploitasi peluang-peluang keusahawanan (Fuentes et al. 2010). Sebagai contoh (Choi & Shepherd 2004) telah menganalisa elemen-eleman dari teori berasaskan sumber (RBV) sebagaimana yang telah diutarakan oleh (Penrose 1959; Wernerfelt 1984; Burt 1992) untuk menyelidiki keputusan usahawan mengeksploitasi peluang keusahawanan dan telah mendapati bahawa usahawan-usahawan cenderung mengeksploitasi peluang apabila pelanggan menilaikan produk baharu mereka, mempunyai lebih pengetahuan mengenai produk baharu mereka, mempunyai teknologi bagi kesemua operasinya atau kemampuan tinggi pasukan pengurusannya.

Berdasarkan perbincangan kajian literatur di atas, kami membina hipotesis-hipotesis berikut:

$H_1$ Eksploitasi peluang antara usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas pelaburan atau kewangan.

$H_2$ Eksploitasi peluang antara usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas keperluan pasaran.

### MODAL INSAN

Pengiktirafan terhadap modal insan dalam mempromosikan ekonomi, sosial dan pembangunan luar bandar telah lama diperkatakan dan pelbagai program untuk mempromosikan pembangunan insan di kawasan luar bandar yang merangkumi kemahiran, pengetahuan dan nilai individu usahawan-usahawan telah dijalankan (Dwyer & Findeis 2008). Disebabkan keusahawanan melibatkan meditasi manusia atau kognitif di mana kehidupan peribadi akan membuatkan usaha-usaha mengunapakai peluang keusahawanan telah pun dikenal pasti (Baron 2007). Kebanyakan dapatan dalam kajian keusahawanan hanya memfokuskan kepada faktor psikologi iaitu bagaimana usahawan itu sendiri mengenal pasti peluang keusahawanan apabila memulakan penerokaan perniagaan yang baharu (Baron 2008; Ucbasaran Westhead & Wright 2010). Namun demikian, kajian ini hanya mempertimbangkan faktor bukan psikologi yang akan dianggap sebagai konstruk untuk modal insan luar bandar berkait dengan penemuan dan eksploitasi peluang-peluang keusahawanan.

Modal insan boleh menentukan kebolehan usahawan untuk menilai dan merealisasikan peluang keusahawanan serta menubuhkan penerokaan perniagaan. Kedua-dua pemerolehan kemahiran formal dan tidak formal adalah penting dalam mencipta keusahawanan dan kejayaan usahawan. Modal insan seseorang boleh menajamkan potensi penerokaan keusahawanan mereka. Hubung kait profil modal insan dan kemungkinan usahawan meneroka perniagaan telah dikenal pasti (Jovanovic 1982; Bates 1990; Cressy 1996; Gimeno et al. 1997; Bosma et al. 2004) tetapi profil modal insan usahawan yang dikenal pasti dan meneruskan peluang perniagaan masih belum difahami dengan jelas (Busenitz et al. 2003). Menurut Ardichvili, Cardozodan Sourav (2003) dan Shane (2003) menyatakan bahawa prestasi penerokaan perniagaan ditentukan oleh keberkesanan bagaimana usahawan menangani aktiviti-aktiviti dalam proses keusahawanan iaitu pengenalpastian dan penilaian (aktiviti penemuan peluang) serta pengeksploitasian peluang keusahawanan.

Secara umumnya modal insan dan pengumpulan pengetahuan oleh usahawan-usahawan luar bandar telah mengalami proses-proses yang berlainan di mana pengetahuan telah diperolehi melalui proses formal seperti latihan atau kursus dan pengetahuan tidak formal (*tacit*) (Meccheri & Pelloni 2006). Ini ditekankan lagi oleh dapatan Zampetakis dan Kanelakis (2010) yang menyatakan bahawa pengetahuan terdahulu usahawan

adalah peramal kepada peluang-peluang keusahawanan oleh usahawan. Telah lama diperkatakan bahawa model peranan dan keberkesanan kendiri meningkatkan lagi keinginan menjadi usahawan dan aktiviti keusahawanan (Krueger, Reilly & Carsrud 2000). Bosma et al. (2012) telah menyatakan kepentingan model peranan, kesamaan di antara usahawan dan model peranan, fungsi model peranan serta kekuatan hubungan di antara usahawan dan model peranannya. Ini menunjukkan bahawa usahawan tertarik kepada model peranannya yang dianggap bersamaan dari segi sifat-sifat, kelakuan atau matlamat (aspek peranan) dan dari siapa yang boleh mempelajari kebolehan dan kemahiran tertentu. Mengikut kajian Uchasaran, Westhead dan Wright (2009), beliau mendapati prestasi pengalaman pemilikan perniagaan terdahulu dipengaruhi oleh kelakuan usahawan dalam pengenalpastian peluang-peluang keusahawanan. Manakala kejayaan pengeksploitasian peluang keusahawanan adalah berkait secara positif dengan pengetahuan usahawan daripada memulakan perniagaan terdahulunya (Davidsson & Honig 2003; Fuentes et al. 2010).

Berdasarkan perbincangan kajian literatur di atas, kami telah membina hipotesis-hipotesis berikut:

$H_3$ Modal insan antara usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas hubungan dengan model peranan.

$H_4$ Model insan antara usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas pengetahuan atau latihan yang dihadiri.

$H_5$ Model insan antara usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas penemuan peluang.

$H_6$ Model insan antara usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas eksploitasi peluang.

## PENEMUAN PELUANG

Penemuan peluang adalah proses yang memerlukan pengecaman awal dan penghuraian lanjut idea penerokaan perniagaan oleh usahawan-usahawan. Fasa proses penemuan peluang telah dikenal pasti sebagai pengiktirafan peluang keusahawanan di mana ianya dianggap sebagai elemen dan penyumbang utama kepada proses keusahawanan (Kirzner 1979; Venkataraman 1997; Shane & Venkataraman 2000). Pengenalpastian peluang dalam keusahawanan luar bandar masih belum diberi perhatian dan kurang diselidiki (Ozgen & Minsky 2007). Definisi penemuan peluang di dalam kajian ini adalah menggunakan definisi oleh Davidsson et al. (2008) iaitu sudut konseptual pembangunan penerokaan dari permulaan idea hinggalah terlaksananya konsep perniagaan. Proses penemuan peluang keusahawanan ini adalah sememangnya berbentuk konseptual (Shane & Venkataraman 2000; Ardichvili et al. 2003). Sebagaimana Davidsson et al. (2008) telah menekankan pendekatan kelakuan-kognitif dalam menyelidiki proses-proses penemuan peluang-peluang keusahawanan jika dibandingkan dengan proses pengeksploitasian keusahawanan di mana lebih ditekankan kepada teori-teori sosiologi dan ekonomi-kelakuan. Dalam kajian ini penemuan peluang keusahawanan terdiri daripada pengenalpastian atau kepekaan peluang dan penilaian peluang (Tang et al. 2012; Baker, Gedajlovic' & Lubathkin 2005).

Menurut Gordon (2011), penciptaan penerokaan perniagaan terdiri daripada berbagai-bagai keadaan pada satu-satu masa dan digerakkan oleh penemuan dan eksploitasi peluang. Dalam membuka syarikat atau entiti keusahawanan (Roure et al. 2007; Davidsson & Honig 2003) mendapati bahawa peningkatan dalam penubuhan syarikat perniagaan menentukan usahawan memiliki kebolehan dan pengetahuan serta pengaruh modal insan ke atas penemuan peluang-peluang keusahawanan. Menurut Tang et al. (2012) tiga elemen dalam kepekaan peluang iaitu pencarian maklumat dan penapisan, pencantuman maklumat terdahulu yang berbeza, dan membuat penilaian ke atas peluang perniagaan yang menguntungkan. Secara umumnya Haynie et al. (2009) mendapati bahawa usahawan-usahawan menilai peluang yang berkait dengan kebolehan, kemahiran dan pengetahuannya. Sementara itu kos melepas telah diketahui sebagai nilai peluang atau tanggapan faedah ketara dan bukan ketara yang digambarkan oleh mengejar peluang baharu dalam usaha penerokaan peluang perniagaan (Zane, DeCarolis & DiRenzo 2007). Dalam usaha mengejar peluang keusahawan, nilai keuntungan keusahawanan dijangka mesti lebih besar daripada kos melepas alternatif yang lain (Shane & Venkataraman 2000).

Dalam perbincangan di atas kami telah merumuskan hipotesis-hipotesis berikut:

$H_7$ Penemuan peluang oleh usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas pengenalpastian peluang.

$H_8$ Penemuan peluang oleh usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas penilaian peluang.

$H_9$ Penemuan peluang oleh usahawan-usahawan luar bandar mempunyai kesan positif secara langsung ke atas eksploitasi peluang.

Kajian literatur juga menyokong pembentukan rangkakerja penyelidikan untuk menguji hubungan di antara modal insan, penemuan peluang dan eksploitasi peluang usahawan-usahawan luar bandar di Malaysia (Sila Lihat Rajah 1).

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan. Unit analisis dalam kajian ini adalah usahawan-usahawan luar bandar di Malaysia menggunakan rangka persampelan dari senarai usahawan-usahawan berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Populasi kajian ini adalah seramai 1,961 usahawan-usahawan luar bandar

Bab 6.indd 56 8/25/2016 4:18:34 PM




RAJAH 1. Model penyelidikan

Malaysia yang berdaftar dengan KKLW pada 31 Disember 2013. Data-data telah dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur. Soalan-soalan soal selidik yang digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat untuk menjawab persoalan kajian ini. Data-data yang diperolehi dari tinjauan ini telah dianalisis dengan perisian SPSS versi 20 untuk analisis deskriptif. Manakala untuk analisis inferensi, perisian SmartPLS versi 2.0 telah digunakan. Perincian item-item bagi konstruk yang telah dibina dalam soalselidik adalah seperti Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Konstruk dan item-item soal selidik

| Konstruk | Item | Bentuk soalan dalam soal selidik |
|---|---|---|
| Kewangan / Pelaburan | EO_D21 | Saya (atau bersama rakan kongsi) telah melabur modal sendiri dalam perniagaan ini. |
| | EO_D22 | Saya (atau bersama rakan kongsi) telah membeli, menyewa atau secara sewa beli ruang/ premis perniagaan untuk memulakan perniagaan ini. |
| | EO_D23 | Saya (atau bersama rakan kongsi) telah membeli, menyewa atau secara sewa beli peralatan operasi perniagaan ini. |
| Keperluan Pasaran | EO_D41 | Saya (atau bersama rakan kongsi) telah menjalankan analisis kajian pasaran sebelum memulakan perniagaan ini. |
| | EO_D42 | Saya (atau bersama rakan kongsi) telah mengenal pasti lokasi atau sasaran pasaran sebelum memulakan perniagaan. |
| | EO_D43 | Saya (atau bersama rakan kongsi) telah mendaftarkan entiti/nama perniagaan sebelum memulakan perniagaan. |
| Hubungan Model Peranan | HC_F11 | Saya (atau bersama rakan kongsi) sering kali mendapat nasihat daripada pakar yang berkaitan sebelum memulakan perniagaan. |
| | HC_F12 | Saya (atau bersama rakan kongsi) selalu berbincang dengan pakar yang berkaitan sebelum memulakan perniagaan ini. |
| | HC_F13 | Saya (atau bersama rakan kongsi) mempunyai pembimbing/mentor dalam bidang yang sama sebelum memulakan perniagaan ini. |
| | HC_F14 | Saya (atau bersama rakan kongsi) mempunyai hubungan yang rapat dengan mentor sebelum memulakan perniagaan ini. |
| Pengetahuan/Latihan | HC_F21 | Saya (atau bersama rakan kongsi) seringkali menghadiri kursus/latihan bagaimana memulakan perniagaan. |
| | HC_F22 | Saya (atau bersama rakan kongsi) mendapat pengetahuan untuk memulakan perniagaan melalui kursus/latihan dihadiri. |
| | HC_F23 | Saya (atau bersama rakan kongsi) mendapat pengetahuan untuk memulakan perniagaan melalui jaringan rakan perniagaan. |
| | HC_F24 | Saya (atau bersama rakan kongsi) mendapat pengetahuan untuk memulakan perniagaan melalui bahan bacaan atau laman sesawang. |
| Pengenalpastian | OD_F11 | Saya (atau bersama rakan kongsi) kerapkali berinteraksi dengan orang lain untuk mencari maklumat perniagaan. |
| | OD_F12 | Saya (atau bersama rakan kongsi) selalu menumpukan perhatian kepada idea baru semasa mencari maklumat perniagaan. |

Bab 6.indd 57 8/25/2016 4:18:34 PM

| | | |
|---|---|---|
| | OD_F13 | Saya (atau bersama rakan kongsi) selalu membaca surat khabar, majalah penerbitan berkaitan perniagaan untuk mencari maklumat baru perniagaan. |
| | OD_F14 | Saya (atau bersama rakan kongsi) setiap hari melayari internet. |
| | OD_F15 | Saya (atau bersama rakan kongsi) gemarkan kepada pencarian maklumat. |
| | OD_F16 | Saya (atau bersama rakan kongsi) secara aktif mencari idea perniagaan baru. |
| Penilaian | OD_F21 | Saya (atau bersama rakan kongsi) terasa gerak hati jika berasakan akan wujudnya bakal peluang perniagaan. |
| | OD_F22 | Saya (atau bersama rakan kongsi) boleh membandingkan peluang-peluang perniagaan yang menguntungkan atau tidak. |
| | OD_F23 | Saya (atau bersama rakan kongsi) mempunyai kebolehan luar biasa untuk menghidu peluang perniagaan yang menguntungkan. |
| | OD_F24 | Saya (atau bersama rakan kongsi) memberikan nilai skala yang tinggi untuk peluang perniagaan atau sebaliknya. |
| | OD_F25 | Apabila berhadapan dengan berbagai-bagai peluang perniagaan, saya (atau bersama rakan kongsi) boleh membuat pilihan yang terbaik. |

## PENGUMPULAN DATA

Sebanyak satu ribu dua ratus lima puluh (1,250) soal selidik telah diedarkan untuk mendapatkan data daripada responden. Kaedah pelbagai pengumpulan data telah dilaksanakan di mana sebahagiannya secara pos dan sebahagiannya secara serahan peribadi. Proses pengedaran dan pungutan soal selidik telah memakan masa selama 6 bulan. Sebanyak 446 soal selidik telah dikembalikan yang membawa kepada 35.68 peratus kadar respons dan hanya 345 soal selidik telah digunakan untuk analisis desktriptif dan inferensi. Sebanyak 101 soal selidik yang telah dikembalikan tidak digunakan dalam analisis disebabkan masalah jawapan responden memberikan jawapan sama (*straight lining*) dan tiada jawapan melebihi 15% (Hair et al. 2014). Jadual 2 menunjukkan profil 345 responden yang telah menjawab soal selidik kajian ini. Lebih 50% responden bersaiz mikro dan lebih 46% terdiri daripada sektor perkhidmatan yang terlibat dalam kajian ini.

Bahagian seterusnya akan membincangkan penilaian untuk ukuran kebagusan (*goodness of measure*) konstruk-konstruk dalam model penyelidikan (merujuk Rajah 1 di atas) yang bertujuan untuk penilaian dari segi kebolehpercayaan dan kesahan konstruk.

## UKURAN DAN PENILAIAN UKURAN KEBAGUSAN

Soal selidik menggunakan skala tujuh Likert untuk mengumpul data untuk setiap konstruk dalam model penyelidikan. Semua instrumen telah direka bentuk dan diubah suai daripada kajian literatur untuk mengukur prestasi konstruk-konstruk. Soal selidik yang telah direka bentuk menggunakan ukuran skala berbagai-bagai item yang diadaptasi daripada beberapa penyelidik terdahulu (Farmer et al. 2011; Gordon 2011; Autio & Acs 2010; Bosma et al. 2012; Meccheri & Pelloni 2006; Psaltopoulos et al. 2005; Ucbasaran et al. 2009; Uy et al. 2013; Zampetakis & Kanelakis 2010; Tang et al. 2012).

JADUAL 2. Profil responden

| Ciri Responden | | Jumlah | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|
| Negeri | Johor | 94 | 27.2 |
| | Perak | 19 | 5.5 |
| | Melaka | 17 | 4.9 |
| | Wilayah Persekutuan | 7 | 2 |
| | Selangor | 23 | 6.7 |
| | Negeri Sembilan | 10 | 2.9 |
| | Kelantan | 24 | 7 |
| | Pahang | 19 | 5.5 |
| | Terengganu | 43 | 12.5 |
| | Kedah | 19 | 5.5 |
| | Perlis | 25 | 7.2 |
| | Pulau Pinang | 14 | 4.1 |
| | Sabah | 13 | 3.8 |
| | Sarawak | 18 | 5.2 |
| Kategori EKS | Mikro | 201 | 58.3 |
| | Kecil | 124 | 35.9 |
| | Sederhana | 20 | 5.8 |
| Produk/ Perkhidmatan Utama | Makanan/Minuman | 91 | 26.4 |
| | Pakaian | 54 | 15.7 |
| | Bengkel | 10 | 2.9 |
| | Pembuatan | 7 | 2 |
| | Pembinaan | 22 | 6.4 |
| | Perkhidmatan | 161 | 46.7 |

## UKURAN KEBAGUSAN

Kedua-dua kriteria utama yang digunakan untuk ukuran kebagusan adalah kesahan dan kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan adalah ujian bagaimana konsistennya instrumen pengukur tanpa mengira apakah sahaja konsep ianya mengukur, manakala kesahan adalah ujian sejauhmanakah instrumen yang dibangunkan itu mengukur konsep tertentu yang ianya mengukur (Sekaran dan Bougie 2010).

Bab 6.indd 58 8/25/2016 4:18:34 PM

### KESAHAN KONSTRUK

Kesahan konstruk adalah untuk menguji bagaimana keputusan yang diperolehi daripada penggunaan teori yang bersesuaian dengan ujian yang telah direka bentuk (Sekaran & Bougie 2010). Persoalannya di sini adakah instrumen yang digunakan berupaya menjelaskan konsep sebagaimana teori yang berkaitan?. Ini boleh dinilai melalui kesahan tumpuan dan diskriminan (*convergent and discriminant validity*). Pertamanya, kita melihat kepada bebanan (*loading*) konstruk masing-masing dan bebanan bersaling dari Jadual 3 di bawah untuk menilai jika terdapat masalah dengan mana-mana item tertentu. Kami menggunakan nilai timbang-tara untuk bebanan pada 0.5 sebagai signifikan (Hair et al. 2010). Oleh itu, jika apa-apa item yang mempunyai bebanan yang lebih tinggi daripada 0.5 pada dua atau lebih faktor maka item-item ini akan disifatkan sebagai mempunyai bebanan bersilang yang signifikan. Daripada Jadual 1, kita dapat perhatikan bahawa semua item yang mengukur konstruk tertentu mempunyai bebanan tinggi dan bebanan yang lebih rendah pada konstruk lain untuk mengesahkan kesahan binaan (*construct validity*).

### KESAHAN TUMPUAN (*CONVERGENT VALIDITY*)

Seterusnya kita menguji kesahan tumpuan di mana untuk mengukur pelbagai item atau petunjuk menyamai konsep yang dipersetujui. Seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010) kita menggunakan faktor bebanan, kebolehpercayaan komposit (CR) dan purata varians terekstrak (AVE) untuk menilai kesahan tumpuan. Nilai bebanan untuk semua item-item adalah melebihi nilai 0.5 sebagaimana yang telah disyorkan oleh Hair et al. (2010). Kebolehpercayaan komposit (rujuk Jadual 4) yang mengukur sejauh manakah item konstruk menunjukkan *latent* konstruk dari 0.8396 hingga 0.931 di mana semua nilai-nilai ini melebihi nilai 0.7 yang disyorkan oleh Hair et al. (2010). Purata varians terekstrak pula mengukur hasil varians yang berkait dengan kesilapan pengukuran dan nilainya seharusnya lebih besar dari 0.50 untuk menjustifikasikan penggunaan konstruk (Barclay, Thompson & Higgins 1995). Julat purata varians terekstrak adalah dari 0.6383 hinggalah 0.7715.

Jadual 5 yang berikut adalah merupakan ringkasan keputusan untuk model pengukuran. Keputusan menunjukkan bahawa semua enam konstruk iaitu kewangan atau pelaburan, keperluan pasaran, hubungan model peranan, pengetahuan atau latihan, pengenalpastian serta penilaian adalah diterima sebagai item yang sahih untuk konstruk yang berkaitan berdasarkan jangkaan parameter masing-masing dan signifikan pada statistik paras keertian 0.01 (Chow & Chan 2008).

### KESAHAN DISKRIMINAN (*DISCRIMINANT VALIDITY*)

Seterusnya kita uji kesahan diskriminan. Kesahan diskriminan adalah untuk mengukur sejauh manakah item-item berbeza di antara konstruk-konstruk atau mengukur konsep yang berbeza. Ini dinilai dengan memeriksa korelasi di antara pengukuran konstruk yang bakal bertindih antara konstruk-konstruk tersebut. Item-item seharusnya mempunyai bebanan yang lebih tinggi berbanding konstruk tersebut di dalam model dan purata

JADUAL 3. Bebanan dan bebanan bersilang

| | Hubungan Model Peranan | Keperluan Pasaran | Kewangan / Pelaburan | Pengenalpastian | Pengetahuan / Latihan | Penilaian |
|---|---|---|---|---|---|---|
| EO_D21 | 0.1119 | 0.2658 | 0.6759* | 0.0389 | 0.0721 | 0.3162 |
| EO_D22 | 0.1608 | 0.3453 | 0.8642* | 0.1282 | 0.1394 | 0.3111 |
| EO_D23 | 0.2088 | 0.3582 | 0.8434* | 0.0868 | 0.1409 | 0.2864 |
| EO_D41 | 0.4317 | 0.7859* | 0.1788 | 0.388 | 0.4114 | 0.4513 |
| EO_D42 | 0.4384 | 0.9068* | 0.4311 | 0.3672 | 0.3405 | 0.4633 |
| EO_D43 | 0.3994 | 0.8574* | 0.3978 | 0.2953 | 0.289 | 0.4571 |
| HC_F13 | 0.9097* | 0.3523 | 0.1625 | 0.2486 | 0.451 | 0.3642 |
| HC_F14 | 0.8669* | 0.3183 | 0.1449 | 0.2531 | 0.4568 | 0.3948 |
| HC_F21 | 0.4523 | 0.3065 | 0.1493 | 0.3334 | 0.8932* | 0.3939 |
| HC_F22 | 0.4506 | 0.2755 | 0.1587 | 0.3046 | 0.8841* | 0.3928 |
| HC_F23 | 0.4756 | 0.4177 | 0.152 | 0.4001 | 0.7878* | 0.3905 |
| HC_F24 | 0.3376 | 0.3367 | 0.0232 | 0.4686 | 0.744* | 0.3313 |
| OD_F11 | 0.3114 | 0.4122 | 0.2112 | 0.7131* | 0.3712 | 0.4709 |
| OD_F13 | 0.2248 | 0.3248 | 0.0491 | 0.8237* | 0.361 | 0.4071 |
| OD_F14 | 0.1632 | 0.2537 | 0.0069 | 0.7422* | 0.3484 | 0.3026 |
| OD_F15 | 0.1745 | 0.295 | 0.0387 | 0.886* | 0.4273 | 0.4406 |
| OD_F16 | 0.277 | 0.3128 | 0.0429 | 0.851* | 0.3278 | 0.4706 |
| OD_F22 | 0.3236 | 0.4192 | 0.291 | 0.4714 | 0.3374 | 0.8265* |
| OD_F23 | 0.2979 | 0.3908 | 0.2863 | 0.2908 | 0.2679 | 0.7026* |
| OD_F24 | 0.4668 | 0.4022 | 0.273 | 0.3563 | 0.3663 | 0.774* |
